



**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
(WABAK RABIES)**

**KENYATAAN MEDIA
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK 2017
09 OGOS 2017**

Pada hari ini, YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Pengerusi JPBN Sarawak telah mengisytiharkan satu lagi kawasan baru wabak Rabies iaitu **Kg Kuala, Serian**. Kg Kuala sebelum ini adalah di dalam 10 km radius kawasan Surveilans dari Kg Lebor, Serian. Sehingga hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kawasan yang telah diisytiharkan adalah **23 kawasan di 3 Bahagian iaitu Serian (19), Sri Aman (1) dan Kuching (3) seperti berikut.**

1. Bahagian Serian

- | | |
|------------------------|-----------------|
| 1. Kg Krait | (04 Julai 2017) |
| 2. Kg Paon Rimu | (04 Julai 2017) |
| 3. Kg Paon Rimu Bakung | (04 Julai 2017) |
| 4. Kg Remun | (04 Julai 2017) |
| 5. Kg Lebor | (04 Julai 2017) |
| 6. Kg Saroban | (12 Julai 2017) |
| 7. Kg Tangga | (13 Julai 2017) |
| 8. Kg Ampungan | (18 Julai 2017) |
| 9. Kg Mentong Berawan | (18 Julai 2017) |
| 10. Kg Mentong Silaga | (18 Julai 2017) |
| 11. Kg Engkabang | (18 Julai 2017) |
| 12. Kg Tampek Sumpas | (18 Julai 2017) |
| 13. Kg Rasau | (18 Julai 2017) |
| 14. Pekan Siburan | (18 Julai 2017) |
| 15. Bandar Serian | (18 Julai 2017) |

- 16. Batu 45, Kuching-Sri Aman (18 Julai 2017)
- 17. Kg Temong Mura, Tebedu (18 Julai 2017)
- 18. Kg Entubuh, Tebedu (23 Julai 2017)
- 19. Kg Kuala, Serian (9 Ogos 2017)**

2. Bahagian Sri Aman

- 20. Rh. Janta Punggu Mawang(18 Julai 2017)

3. Bahagian Kuching

- 21. Batu 5, Jalan Semeba (23 Julai 2017)
- 22. Wet Market, Sg Maong (25 Julai 2017)
- 23. Kg Serikin, Bau (25 Julai 2017)

Kes keenam kanak-kanak lelaki berumur 7 tahun yang dilaporkan semalam berasal dari Kg. Kuala, Serian dan mempunyai sejarah digigit anjing pada 17 Jun 2017 yang lalu. Beliau telah menerima tiga dos suntikan vaksin anti-rabies di Hospital Serian pada 21 Julai 2017, 24 Julai 2017 dan 28 Julai 2017 dan dos keempat dijadualkan pada 04 Ogos 2017. Walau bagaimanapun pada 01 Ogos 2017, kes mula mengalami demam, batuk dan muntah dan dimasukkan ke wad Hospital Serian. Keadaan kes merosot dengan mengalami perubahan sikap dan halusinasi dan telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak pada 03 Ogos 2017. Kes kini menerima rawatan lanjut di Hospital Umum Sarawak dan terpaksa diberi alatan sokongan pernafasan dan berada dalam keadaan kritikal. Ujian sampel yang dihantar pada 08 Ogos 2017 menunjukkan **positif terhadap virus Rabies.**

Susulan itu, pihak JPVS telah menghantar 2 kumpulan surveilan ke Kg Kuala, Serian bagi menyiasat dan membuat persampelan.

Pada hari ini, sebanyak **504 ekor anjing** telah divaksin iaitu **74 ekor anjing** di **Bahagian Serian** dan **430 ekor anjing di 11 buah kampung di Daerah Lundu.** Jumlah haiwan kesayangan yang telah divaksin hingga hari adalah sebanyak

29,098 ekor yang terdiri daripada **21,456 ekor anjing**, **7,597 ekor kucing** dan **45 ekor haiwan lain**.

JPVS juga setakat ini telah mengadakan sebanyak 161 kempen kesedaran mengenai wabak penyakit Rabies di kampung-kampung dan sekolah yang dihadiri oleh 31,682 orang peserta.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan bahawa sebanyak 115 kes gigitan baru dilaporkan pada hari ini; iaitu 48 kes daripada Bahagian Serian, 2 kes daripada Bahagian Sri Aman, 39 kes daripada Bahagian Kuching dan 26 kes daripada Bahagian Samarahan. Daripada jumlah tersebut, 99 kes melibatkan haiwan peliharaan iaitu anjing 52 kes, kucing 46 kes, monyet 2 kes dan khinzir satu kes. Manakala 16 kes melibatkan haiwan liar iaitu anjing 14 kes dan kucing 2 kes. Ini menjadikan bilangan kes kumulatif gigitan haiwan yang berlaku mulai 01 April 2017 hingga ke hari ini, adalah berjumlah 1,869 kes. Secara kumulatifnya, seramai 857 orang telah menerima suntikan vaksin anti-Rabies.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memohon orang ramai yang mempunyai sejarah gigitan anjing dalam tempoh 01 April 2017 hingga kini, untuk segera membuat pemeriksaan di mana-mana fasiliti kesihatan yang terdekat. Dalam masa yang sama, orang ramai turut diingatkan untuk sentiasa menghindari diri dari gigitan haiwan terutamanya anjing, dan sekiranya digigit, perlulah mengambil langkah pencegahan segera dengan mencuci luka bahagian terkena gigitan menggunakan sabun dan air bersih yang mengalir selama 15 minit; dan segera mendapatkan rawatan lanjut di klinik atau hospital berdekatan.

Untuk makluman semua, maklumat dan aktiviti operasi pemvaksinan wabak Rabies juga boleh didapati di dalam portal Jawatankuasa pengurusan Bencana Negeri Sarawak seperti berikiut:

www.infodisaster.sarawak.gov.my

Disediakan oleh:

Angkatan Pertahanan Awam (APM) Negeri Sarawak

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak

09 Ogos 2017